

05/04/1997

Kedah mohon kekalkan program IADP

ALOR STAR, Jumaat - Kerajaan negeri akan memohon Kerajaan Pusat mengekalkan program Pembangunan Pertanian Lembah Kedah (IADP) di kawasan luar pentadbiran Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

Ini kerana masih banyak projek pembangunan di luar kawasan Mada yang perlu dilaksanakan bagi membantu membangunkan ekonomi penduduk yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Ahmad Lebai Sudin, berkata kerajaan negeri akan menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memohon supaya agensi itu dikekalkan.

"Kerajaan negeri berharap IADP mampu melaksanakan projek baru yang lebih menguntungkan penduduk, termasuk dalam bidang keusahawanan," katanya selepas meninjau sawah yang ditenggelami air di beberapa kampung dalam Mukim Derga dan Tajar, dekat sini, semalam.

Menurutnya, IADP diwujudkan kira-kira 20 tahun lalu bertujuan melaksanakan projek pembangunan di kawasan luar Mada seperti pemulihan sawah terbiar dan pembinaan jalan.

Selain berharap Kerajaan Pusat menambah peruntukan bagi program yang bakal dilaksanakan oleh IADP, kerajaan negeri akan terus memperkukuh agensi itu sebagai satu daripada agensi terpenting membangunkan ekonomi penduduk, katanya.

Kerajaan negeri, katanya, akan memohon peruntukan RM60,000 daripada Kerajaan Pusat bagi membiayai kerja memperdalam dan meluruskan beberapa batang sungai.

(END)